

Johor



ORANG ramai mengunjungi ruang pameran kereta berkuasa tinggi di Pameran Kereta Auto Salon Tokyo di Jepun baru-baru ini.

Usaha terbaru menjadi pemain global

M7 jual nama Mutiara Motors

Oleh ARIF NIZAM ABDULLAH
edijohor@utusanangroup.com.my

JOHOR BAHRU 4 Feb. - Memang tidak dimafikan bukan mudah bagi sesebuah syarikat kereta tempatan menembusi pasaran luar, apatah lagi menjengah negara seperti Jepun.

Ini kerana siapa yang tidak kenal dengan kehebatan negara matahari terbit itu dalam mengeluarkan kereta berkuasa tinggi yang dianggarkan terdapat lebih 300 syarikat terbahit dalam industri itu.

Justeru, jika ada syarikat tempatan yang berhasrat menerobos pasaran di negara yang terkenal dengan disiplin tinggi itu perlu memastikan produk yang dijual cukup 'kuat' untuk menarik minat penduduknya.

Namun lain ceritanya dengan syarikat pengimport kereta, Mutiara Motors Sdn. Bhd., yang menjalankan usaha sama bersama rakan strategik dari Jepun sejak Jun tahun lalu menerusi produk kereta M7.

Produk yang dihasilkan 100 peratus di Jepun oleh M7 Co. Ltd. (Jepun) meliputi produk seperti minyak pelincir, produk elektronik, sistem turbo dan sistem ekzos.

Bagaimanapun, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk itu terletak di ibu pejabat baru Mutiara Motors di sini yang mula beroperasi pada Mei tahun lalu.

Apa yang membanggakan, nama Mutiara Motors bukan sahaja cukup terkenal



DEMONSTRASI kereta lumba drift D1 milik M7 Mutiara Motors di Pameran Kereta Auto Salon Tokyo di Jepun baru-baru ini.

di Jepun, sebaliknya mula menarik perhatian negara-negara lain yang berminat menjadi pengedar produk berkenaan.

Baru-baru ini, Mutiara Motors buat pertama kali menyertai pameran kereta Auto Salon Tokyo yang merupakan pameran kereta terbesar di Jepun.

Hasilnya amat positif apabila produk M7

menjadi sasaran syarikat dari Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Australia, Filipina, Thailand dan China.

"Sambutan yang diberikan cukup membarangsangkan apabila gerai pameran kami menjadi tumpuan ramai pengunjung."

"Walaupun pertama kali menyertainya, rupa-rupanya nama Mutiara Motors dan

produk M7 sudah terkenal menerusi pertandingan Super GT Jepun yang berlangsung setiap tahun," kata Pengerusi Eksekutif Mutiara Motors, Datuk Ahmad Kemain.

Selain itu, Mutiara Motors menaja minyak enjin M7 bagi pasukan Tauchiya dan Charlez Racing dalam perlumbaan Jepun GT.

Pameran Auto Salon Tokyo berlangsung di Tokyo selama tiga hari dan berjaya menarik lebih 230,000 pengunjung.

Ia melibatkan penyertaan kira-kira 400 syarikat kereta berkuasa tinggi di Jepun dan difahamkan Mutiara Motors merupakan satu-satunya wakil syarikat bumiputera dari Malaysia.

Ahmad berkata, syarikatnya kini memiliki seramai 115 pengedar M7 di negara ini dan dua di Amerika Syarikat manakala masing-masing satu di Jerman, Australia, China, Thailand dan Filipina.

Menurutnya, berdasarkan sambutan di Jepun itu, beliau yakin hasrat syarikat menjadi pemain global utama menerusi produk M7 dapat direalisasikan dalam tahun ini.

"Kami sodang berusaha secara agresif untuk pergi ke lebih banyak negara selepas ini berikutan potensi pasaran yang cukup besar terhadap produk M7," katanya penuh optimis.

Ahmad berkata, Britain dan negara Timur Tengah bakal menjadi destinasi pasaran terbaru berikutan terdapat permintaan yang tinggi di sana.

Auto Salon Tokyo sentiasa dinantikan

JOHOR BAHRU 4 Feb. - Bagi peminat kereta berkuasa tinggi, Auto Salon Tokyo amat dinanti-nantikan pada setiap Januari apabila ia berlangsung di Pusat Konvensyen Makuhari Messe, Chiba City, Jepun.

Acara tahunan itu turut memabitkan pameran alat ganti dan produk kereta yang menggunakan teknologi terkini.

Kehebatan pameran tersebut terbukti apabila diiktiraf sebagai pameran auto-motif terbesar di dunia melibatkan penyertaan lebih 600 kenderaan dan 300 syarikat, persatuan dan sekolah-sekolah di negara berkenaan.

Lebih menarik, selain pameran tersebut, turut berlangsung persembahan pemuzik terkenal dari seluruh dunia sepanjang tiga hari pameran itu berlangsung.

Mengimbau sejarah, Pameran Auto Salon Tokyo telah berlangsung sejak 27 tahun lalu dan ia dibuka kepada jemputan khas pada hari pertama pameran manakala orang ramai pula pada hari kedua dan ketiga pameran.

Pengunjung utama pameran adalah Tokyo Auto Salon Association (TASA) yang be-

kerjasama dengan Nippon Auto Parts Aftermarket Committee (NAPAC).

Pengunjung lain termasuk kerajaan bandar raya Chiba, Aves Entertainment Inc., San-Eisyobo Publishing Co. Ltd., Idea Inc., dan Option-Land Global Communications Association.

Pameran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Makuhari Messe itu melibatkan sebanyak lapan ruang pameran yang mampu memuatkan 6,000 kenderaan.

Makuhari Messe merupakan peneraju kemudahan konvensyen di Jepun dan mengendalikan tiga kemudahan seperti ruang pameran antarabangsa, ruang persidangan antarabangsa dan ruang acara.

Bersebelahan pusat konvensyen itu, terdapat enam buah hotel bertaraf antarabangsa yang dapat dihubungkan menerusi laluan pejalan kaki.

Selain pameran Auto Salon, pusat konvensyen itu tidak pernah sunyi sepanjang tahun apabila menganjurkan pelbagai acara antarabangsa persidangan antarabangsa, konsert, acara sukan, simposium dan per-tunjukan fesyen.



AHMAD Kemain bersama kereta projek yang ditaja oleh M7 di Pameran Kereta Auto Salon Tokyo di Jepun baru-baru ini.